



沙巴州亚庇中英小学  
SEKOLAH KEBANGSAAN (C) ANGLO CHINESE KOTA KINABALU  
P.W.D 7975, TAMAN JINDO, FASA 3, LORONG PALAS, LUYANG,  
88300 KOTA KINABALU, SABAH.



TEL: 088-715153 FAX: 088-725071  
LAMAM WEB: [www.skc-anglochinese.edu.my](http://www.skc-anglochinese.edu.my)  
EMEL: [xbc4002@moe.edu.my](mailto:xbc4002@moe.edu.my)

Rujukan kami: SKCACKK.100-1/5/1(62)  
Tarikh: 28 DISEMBER 2021

Para ibu bapa / penjaga yang dihormati,

### MAKLUMAN PENANGGUHAN PEMBUKAAN SEKOLAH PENGGAL 3 SESI 2021/2022

Dengan pengumuman terkini, Menteri Kanan Kementerian Pendidikan Malaysia Dr. Radzi Jidin mengumumkan bahawa KPM akan menunda sesi pembukaan sekolah penggal 3 yang sepatutnya bermula pada 3 Januari 2022 (Isnin) kepada 10 Januari 2022 (Isnin) atas sebab susulan bencana banjir yang melanda banyak negeri di Malaysia baru-baru ini. KPM sentiasa prihatin akan kesukaran yang dihadapi oleh pengurusan sekolah, guru, murid dan ibu bapa yang terkesan akibat banjir.

02. Sehubungan itu, semua guru dan murid **TIDAK PERLU** datang ke sekolah melaksanakan PdP Bersemuka dan melaksanakan PdPR secara sendiri pada tarikh tersebut.

03. **Tarikh pembukaan sekolah penggal 3 (2021/2022) adalah pada 10 Januari 2022 (Isnin).** Diharapkan para ibu bapa / penjaga mengambil perhatian sepenuhnya dan memastikan anak-anak murid mula bersekolah serta melaksanakan PdPR secara sendiri pada tarikh yang ditetapkan.

Sekian. Harap maklum dan terima kasih.  
Selamat Bercuti! Selamat Menyambut Tahun Baru 2022!

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KITA JAGA KITA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**MOK SUN FU**

Guru Besar  
SK (C) Anglo Chinese,  
Kota Kinabalu.